



KEMENTERIAN KESIHATAN KESIHATAN MALAYSIA

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 4, Blok E10, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya  
Tel : 603-8883 2544  
Faks : 603-8889 5601  
E-mail : kkm@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA  
Bagi Minggu 35/2013 (25hingga 31 Ogos 2013)**

'Kes dan kematian denggi semakin meningkat'

Pada minggu ke 35 tahun ini bagi tempoh 25 hingga 31 Ogos 2013, jumlah kes denggi yang dilaporkan adalah 824 kes iaitu jumlah kes mingguan yang tertinggi dilaporkan sejak bulan Mei 2010. Tren peningkatan kes dan kematian denggi yang berterusan sejak Mei 2013 telah menyebabkan 10 negeri mengalami peningkatan kes tahun ini berbanding tahun lepas. Negeri yang mengalami peningkatan kes ialah Johor meningkat 130% (1,458 kes), Sarawak 34% (240 Kes), Selangor 33% (2,161 kes), Sabah 27% (93 kes), Negeri Sembilan 20% (68 kes), Perlis 18% (24 kes), Melaka 17% (59 kes), Kelantan 12% (99 kes), Perak 11% (119 kes), WP Kuala Lumpur & Putrajaya 8% (112 kes).

Sehingga kini kumulatif kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara adalah sejumlah **18,923 kes, meningkat sebanyak 27% (4,009 kes)** berbanding **14,914 kes** bagi tempoh yang sama pada tahun lepas. Kematian denggi juga meningkat dengan ketara di mana pada minggu lepas 3 kematian dilaporkan. Jumlah keseluruhan kematian denggi telah

meningkat kepada 38 kematian pada tahun ini berbanding 27 kematian bagi tempoh sama 2012.

Situasi global juga menunjukkan situasi denggi yang serius terutamanya di negara-negara serantau. Sehingga bulan Ogos tahun ini, Negara Filipina telah melaporkan 76,354 kes, Lao PDR 34,783 kes, Vietnam 18,934, Singapura 14,272 dan Cambodia 12,419. Peningkatan kes demam denggi yang ketara telah dilaporkan di negara Singapura dan Lao PDR iaitu peningkatan kes sebanyak 500% dan 1100% masing-masing berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Secara perbandingannya, peningkatan kes denggi di Malaysia ketika ini tidaklah setinggi di beberapa negara serantau yang lain. Namun jika tidak dibendung, ia boleh menjadi tidak terkawal dan terus meningkatkan bilangan kes dan kematian seperti dalam tahun 2009.

Tiga kematian yang dilaporkan masing-masing dua (2) di Johor dan satu (1) di Sarawak melibatkan lelaki berusia 32, 70 dan 81 tahun. Pesakit mengalami gejala seperti demam, sakit badan, cirit birit, muntah, batuk, tiada selera makan dan lemah badan telah mendapatkan rawatan di klinik sebelum dirujuk ke hospital dan dimasukkan ke wad. Terdapat juga di antara pesakit yang mempunyai sejarah penyakit seperti darah tinggi, kencing manis dan buah pinggang. Pesakit telah dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU) setelah keadaan kesihatan bertambah serius, walau bagaimanapun meninggal dunia dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Pemeriksaan Pembikan Aedes (PPA) telah dijalankan dan mendapati kadar pembikan Aedes (A.I) adalah tinggi dan melebihi kadar sensitif 1% iaitu 2.9% hingga 25%.

Sehingga minggu lepas, sejumlah 190 lokaliti wabak denggi dilaporkan berlaku di 9 negeri iaitu 122 lokaliti di Selangor, 39 lokaliti di Johor, masing-masing enam (6) lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya dan Perak, lima (5) lokaliti di Pulau Pinang, masing-masing empat (4) lokaliti di Melaka dan Terengganu, tiga (3) lokaliti di Sarawak manakala satu (1) lokaliti di Negeri Sembilan. Daripada jumlah tersebut terdapat sepuluh (10) lokaliti *hotspot* dilaporkan dan kesemuanya berlaku di daerah Petaling, Selangor. Lokaliti tersebut adalah di Seksyen 13 (Apartment Perdana), Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 – Blok 12 dan Blok 38 – Blok 43), Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37), Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51), PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A,B,C,D), PJS 8 Mentari Court 2 (Blok E, F dan G), PJU 8 Apartment Flora Damansara 1 (Blok A,B), PJU 8 Apartment Flora Damansara 2 (Blok C,D,E,F), Taman Bukit Kinrara 1 (Pangsapuri Melor) dan Taman Pinggiran. Lokaliti di PJS 8 Mentari Court melapor kes tertinggi iaitu 117 kes dalam tempoh 2 bulan.

Masalah denggi adalah masalah kesihatan persekitaran. Persekutuan yang kotor mengalakkan penakungan air amat kondusif bagi pembiakan nyamuk Aedes pembawa penyakit denggi. Semburan kabus dengan racun serangga semata-mata tidak akan menyelesaikan masalah kerana ia hanya membunuh nyamuk dewasa sedia ada sahaja. Jika selepas semburan masyarakat tidak memusnah tempat pembiakan, nyamuk dewasa baru akan muncul semula bagi meneruskan penularan jangkitan tersebut. Oleh itu aktiviti membersihkan persekitaran tempat tinggal, belajar dan bekerja amat penting bagi mengawal masalah denggi. Ini menuntut kerjasama semua pihak.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan mengesahkan semua pihak, khususnya di negeri Selangor, Johor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mengambil tindakan segera bagi menanggani masalah denggi:-

1. Masyarakat mengambil tindakan memastikan persekitaran dalam dan luar rumah mereka bebas dari pembiakan Aedes.
2. Ketua dan pemimpin masyarakat setempat mengambil tanggungjawab mengadakan gotong-royong membersihkan persekitaran kawasan perumahan masing-masing, khususnya di kawasan wabak dan hotspot.
3. Guru Besar, Pengetua dan majikan mengambil tanggungjawab memastikan persekitaran sekolah, kolej dan tempat kerja bersih dan bebas dari pembiakan Aedes.
4. Kontraktor hendaklah memastikan tapak pembinaan mereka juga bebas dari air yang bertakung yang menjadi tempat pembiakan Aedes.
5. Syarikat konsesi pelupusan sampah hendaklah memastikan urusan pelupusan sampah berjalan lancar bagi mengelakkan longgokan sampah yang boleh menjadi tempat pembiakan Aedes.
6. Pihak berkuasa Kerajaan Tempatan hendaklah memastikan longkang dan saliran dan taman-taman permainan serta riadah diselenggara dengan baik bagi mengelak dari air bertakung. Tempat pembuangan sampah haram juga hendaklah dibersihkan dan tindakan diambil terhadap mereka yang melakukannya.
7. Pihak Berkuasa Tempatan juga hendaklah memastikan tindakan kawalan denggi dibuat mengikut Garispanduan Kawalan Denggi

- KKM di kawasan seliaan masing-masing bagi memastikan tindakan kawalan yang berkesan.
8. Jawatankuasa Wabak Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah hendaklah diaktifkan sebaik wabak Denggi berlaku di daerah masing-masing, selaras dengan arahan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri. Arahan ini telah dikeluarkan semasa Negara menghadapi wabak Denggi dalam tahun 2010 dan ia masih berkuatkuasa.
  9. Semua pengamal perubatan awam dan swasta yang mengesyaki penyakit Denggi di kalangan pesakit mereka hendaklah melaporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran dalam tempoh 24 jam selaras dengan pelaporan tanpa kelengahan seperti didalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.
  10. Kementerian Kesihatan akan meningkatkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang khususnya di kawasan wabak dan hotspot. Individu, Ketua Jabatan, majikan dan kontraktor yang didapati premis mereka terdapat pembiakan nyamuk Aedes akan di kena kompaun maksimum RM500.00 atau didakwa di mahkamah jika kesalahan tersebut berulang. Arahan berhenti kerja dan pembersihan akan juga dikeluarkan terhadap kontraktor yang didapati membiarkan tapak pembinaan mereka membiak nyamuk Aedes

Semua pihak perlu memberikan kerjasama bagi menanggani masalah pembiakan Aedes dan penyakit demam Denggi. Tanpa kerjasama individu,

masyarakat, pemimpin setempat, dan majikan bagi memastikan persekitaran kehidupan manusia bebas dari nyamuk Aedes, masalah demam denggi tidak akan berjaya dikawal. Seperti yang ditekankan, semburan racun serangga oleh Kementerian Kesihatan sahaja tidak berkesan dan tidak akan menyelesaikan masalah.

**DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

**2 September 2013**

**Lampiran A**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 35/2013**  
**(25 hingga 31 Ogos 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 35/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 35/2012
		Minggu 35 (25 – 31 Ogos 2013)	Minggu 34 (18 – 24 Ogos 2013)		
1	Perlis	2	3	155 (1)	131
2	Kedah	14	22	576 (1)	590 (3)
3	P. Pinang	21	25	503 (2)	559 (1)
4	Perak	48	29	1,199	1,080 (5)
5	Selangor	436	447	8,694 (10)	6,533 (11)
6	WPKL & Putrajaya	45	34	1,442 (6)	1,330 (3)
7	N. Sembilan	12	10	417	349 (1)
8	Melaka	39	33 (1)	411 (2)	352
9	Johor	119 (2)	111	2,584 (11)	1,126 (1)
10	Pahang	16	12	382	448 (1)
11	Terengganu	22	28	264	552
12	Kelantan	28	36	903 (1)	804
13	Sarawak	12 (1)	22	946 (3)	706
14	Sabah	10	11	439 (1)	346 (1)
15	WP Labuan	0	1	8	8
	Jumlah	824 (3)	824 (1)	18,923 (38)	14,914 (27)

Nota: ( ) Kematian

\* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**Lampiran B**

**SENARAI LOKALITI “HOTSPOT” DILAPORKAN  
PADA MINGGU 35 BAGI TAHUN 2013**

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
1	Selangor	Petaling	Pjs 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	78	76	0.8%
2	Selangor	Petaling	Pjs 8 Mentari Court 2 (Blok E, F & G)	34	76	0.9%
3	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 - Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	23	55	3.6%
4	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	14	53	1.6%
5	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	21	48	1.9%
6	Selangor	Petaling	Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A ,B)	18	47	2.2%
7	Selangor	Petaling	Taman Bukit Kinrara 1 ( Pangsapuri Melor)	7	45	0%
8	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	17	34	0%
9	Selangor	Petaling	Pju 8 Apt Flora Damansara 2 (Blok C, D, E, F)	16	33	1.2%
10	Selangor	Petaling	Taman Pinggiran Putra (Pangsapuri Putra Raya)	5	33	0%